

Curi kenderaan makin kerap

Berita HARJAY 15/10/2010 MS 2
Penduduk apartment diminta jalin kerjasama atasi jenayah

RAWANG: Penduduk Apartment Bukit Rawang Putra, di sini, diminta menjalin kerjasama lebih erat sesama mereka bagi mengatasi permasalahan kecurian kenderaan yang dilihat semakin 'galak' berlaku di kawasan itu.

Sentral dimaklumkan, kekerapan kejadian kecurian kereta serta motosikal di kawasan itu, mula membosankan penduduk, apatah lagi individu yang melakukan perbuatan berkenaan dilihat tidak pernah serik, selain tidak takut dengan rondaan yang turut dijalankan pihak berkuasa.

Melahirkan cadangan itu, salah seorang pemilik, Khairul Salleh, 27, berkata penduduk perlu mengambil tindakan lebih berkesan kerana pemaju enggan memenuhi permintaan penduduk yang mahu pengawal keselamatan meronda 24 jam sehari di kawasan berkenaan.

Khairul yang kehilangan motosikalnya bulan lalu berkata, pencuri yang men-



sasarkan kenderaan di kawasan itu amat berani kerana bukan saja melarikan kenderaan dilengkapi ciri-ciri keselamatan, malah turut mengambil risiko dengan menjalankan kegiatan berkenaan di siang hari.

"Bayangkan, sebelum saya

“Bayangkan, sebelum saya menunaikan solat Jumaat, motosikal itu masih berada di tempat parkir, bagaimanapun sejam kemudian, ia hilang tanpa dapat dikesan"

Khairul Salleh
Mangsa kecurian

motosikal itu masih berada di tempat parkir, bagaimanapun sejam kemudian, ia hilang tanpa dapat dikesan, meskipun saya berusaha sudah berusaha mencari di merata-rata tempat.

"Daripada pemerhatian saya, kegiatan pencuri licik ini sukar dibendung hing-



“Kami tidak dapat penuhi permintaan penduduk menyediakan pengawal keselamatan 24 jam sehari sebab ada pemilik yang tidak membayar bil penyelenggaraan"

Ho Thin Sang
Kakitangan Smart Home

gakan tiada seorang pun daripada mereka pernah ditahan pihak berkuasa. Jika penduduk duduk semeja dan mengatur jadual untuk melakukan rondaan, mungkin sedikit sebanyak masalah ini dapat diatasi," katanya.

Menyokong cadangan itu penyewa apartment berke-

naan, Nurzehan Adli Muhammad, 31, yang terpaksa menanggung kerugian hampir RM12,000 selepas kereta Perodua Kancil milik isterinya, Yuslina Ibrahim, 28, dilarikan, hanya tiga hari selepas motosikal Khairul dicuri.

Meskipun hanya seorang

penyewa, namun Nurzehan berkata, beliau bersedia memberi kerjasama bagi memastikan kejadian kecurian tidak terus menggusarkan penghuni di kawasan berkenaan.

Sementara itu, kakitangan Smart Home Sdn Bhd (Smart Home), Ho Thin Sang, 54, berkata pihaknya menyedari risiko kecurian kenderaan di kawasan apartment itu memandangkan sudah menerima hampir 10 aduan kecurian daripada pemilik dan penyewa sejak beberapa tahun lalu.

"Bagaimanapun, kami tidak dapat memenuhi permintaan penduduk untuk menyediakan pengawal keselamatan 24 jam sehari memandangkan ada sesetengah pemilik yang tidak membayar bil penyelenggaraan," katanya.

Ho berkata, pada masa ini, kesemua pengawal melakukan tugas rondaan selama 12 jam bermula jam 7 petang setiap hari dan pihaknya juga turut mengingatkan penduduk melengkapkan kenderaan mereka dengan ciri-ciri keselamatan.